



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN *STAR SANCTUARY* *SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARD 2017* (SSSPP AWARDS 2017)

5 OKTOBER 2017 (Khamis)

10.15 pagi

BERTEMPAT DI AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia LAr. Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff

FILAM Chairman, Corporate Social Responsibility Division
Star Sanctuary Group

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini di dalam Majlis Penyampaian *Star Sanctuary Seberang Perai Photography Award 2017 (SSSPP Awards 2017)*

Sebelum itu izinkan saya merakam sakalung penghargaan dan tahniah atas usaha *Star Sanctuary Group, Think City, Syarikat Wellpoint* dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas usaha bersama dalam mempromosikan lanskap dan panorama yang menarik dan tersembunyi di sekitar kawasan Pekan Lama Butterworth, Seberang Perai. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia LAr. Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff selaku Pengerusi ILAM (Institut Lanskap Arkitek Malaysia) dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menjadi juri bagi pertandingan ini.

Penganjuran *SSSPP Awards 2017* ini merupakan salah satu program yang MPSP letakkan sebagai *smart partnership 7P* iaitu *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*. Gabungan padu ke semua elemen ini dapat memberi

peluang kepada *stakeholders* khususnya untuk berkarya melalui fotografi. Selain itu, *SSSP Awards 2017* ini adalah bertemakan My Pekan Lama dengan mengetengahkan lima (5) skop fokus fotografi iaitu *Street Scene, Trade & Business, Street Art, Architecture dan Social Lifestyles* di sekitar Bandar Butterworth.

Berkemungkinan ada yang memikirkan kenapa kita memilih kawasan Pekan Lama Bandar Butterworth. Ini adalah salah satu pendekatan yang ingin kita gunakan untuk mempromosikan dan menghidupkan semula Pekan Lama ini yang suatu ketika dulu merupakan satu kawasan yang begitu rancak perkembangan dan pentadbirannya suatu masa dahulu. Setelah kebanyakan agensi kerajaan dan swasta berpindah ke kawasan Perda dan lain-lain kawasan di Seberang Perai, ianya telah menjadi malap dan kurang menjadi tumpuan pengunjung atau dikenali sebagai "*Dead City*". Dahulunya di sinilah, tempat warga Seberang Perai membeli belah apabila tibanya hari-hari perayaan, menjadi pusat ilmu dengan adanya perpustakaan, taman yang menarik untuk beriadah dan berekreasi, pantai yang bersih dan cantik untuk berkelah dan menonton filem-filem terbaru di panggung wayang terkenal di sini.

Oleh sebab itu, untuk menghidupkan semula Pekan Lama Butterworth ini, program seperti ini diperkenalkan. Di dalam

pertandingan ini, fotografi yang layak dipertimbangkan untuk pertandingan ini adalah meliputi kawasan seperti berikut iaitu Kawasan SRJK (C) Chung Hwa Pusat ke Padang Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi/ Jalan Heng Choon Thian dan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) sehingga Jalan Kampung Benggali / Lorong Kubur.

MPSP menyeru lebih ramai agensi harta dan pelancongan untuk menggunakan media social seperti instagram untuk mempromosikan Butterworth melalui fotografi untuk mengembalikan penduduk ke Bandar Butterworth yang merupakan hub pengangkutan dan kesenian.

Impak daripada program-program yang telah dibuat oleh MPSP seperti BFF, SSSP Awards 2017, Heritage Walk dan sebagainya telah menunjukkan peningkatan GDV sebanyak 2.3 kali ganda berbanding Tahun 2015 iaitu RM132,500,000 kepada RM306,858,693 pada tahun 2017.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya difahamkan bahawa pertandingan ini mempunyai empat (4) kategori iaitu Kategori Profesional, Kategori Penduduk Yang Dilahirkan di Seberang Perai, Kategori Pelajar Sekolah Menengah berumur 13

tahun hingga 20 tahun (terbuka hanya kepada sekolah menengah di Seberang Perai) dan kategori media sosial melalui Aplikasi Instagram #MyPekanLama (terbuka kepada semua Warganegara Malaysia).

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang di atas usaha tuan-tuan dan puan-puan dan juga kepada yang tidak memenangnya, saya mengucapkan tahniah juga dan ribuan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan berusaha bersama-sama MPSP, *Star Sanctuary Group*, *Think City* dan Syarikat *Wellpoint* dalam menjayakan pertandingan ini dan menjadikan Pekan Lama Butterworth ini dihidupkan dan dikenali semula. Saya berharap suatu hari nanti, selain daripada kita bukukan semua gambar-gambar ini, saya ingin mencadangkan agar kita mencuba untuk menghasilkan setem Seberang Perai (*limited edition*) atau poskad yang mempunyai gambar-gambar menarik daripada pertandingan seperti ini. Pada saya, ini merupakan salah satu langkah untuk mempromosikan Pekan Lama Butterworth. Saya yakin dan percaya di luar sana terdapat penggemar atau pengumpul setem dan poskad. Sebenarnya, usaha atau langkah ini telah dibuat oleh salah sebuah bandar *friendship Cities* MPSP iaitu Gwangju, Korea di mana poskad yang telah dihasilkan melalui fotografi itu dijadikan sebagai cenderahati dan kami masih menyimpan koleksi poskad mereka.

Sebagai mengakhiri kata-kata saya, dengan ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang menjayakan pertandingan ini dan juga kepada pemenang-pemenang atas usaha keras kita bersama bagi menghidupkan semula Pekan Lama Butterworth dan menjadikan Seberang Perai salah satu destinasi pilihan pengunjung.

Sekian, terima kasih dan Assalamualaikum.